

26 JUL 2001

Mustapa-NGO

NGO DIMINTA BANTU PERJELAS DASAR KERAJAAN

KOTA BAHARU, 26 Julai (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed meminta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negeri itu yang dipimpin oleh anggota Umno supaya membantu menjelaskan dasar kerajaan kepada rakyat agar ia tidak diputarbelitkan oleh pembangkang.

Beliau berkata terdapat lebih 80 NGO di Kelantan dan banyak yang diketuai oleh pemimpin atau anggota Umno tetapi tidak digembelingkan sepenuhnya untuk tujuan berkenaan.

"Saya mahu semua pemimpin NGO ini memastikan semua dasar kerajaan dapat disampaikan kepada ahli-ahli," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kolokium dan Dialog bersama NGO di sini hari ini.

Mustapa yang juga Ketua Penerangan Umno berkata sokongan rakyat Kelantan terhadap Umno semakin bertambah dan ini terbukti dengan sambutan ribuan orang semasa kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini pada 20 Julai lepas.

Sementara itu, di Pasir Puteh, Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), berkata kerajaan pusat tidak pernah memungkiri janji mengenai projek pembangunan yang dibuat dalam sesuatu kempen pilihan raya.

Beliau berkata rakyat boleh menyaksikan projek-projek pembangunan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan pusat terutamanya di Kelantan.

"Sebagai bukti pembinaan jambatan Sungai Semerak dan bangunan asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Datuk Ismail (SMKADI) di sini telah siap dan dapat digunakan," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat agung persatuan ibu bapa dan guru SMKADI di sini hari ini.

Beliau berkata kedua-dua projek itu dijanjikan semasa kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Semerak, empat tahun yang lepas.

Katanya, jambatan Sungai Semerak menghubungkan pekan Cherang Ruku dan Tok Bali yang kini dibuka kepada semua kenderaan berharga RM10 juta dan asrama SMKADI pula berharga RM5 juta.

Sebelum ini, mereka yang berulang alik antara kedua-dua tempat itu terpaksa menggunakan jambatan kayu yang sempit dan hampir roboh, katanya.

-- BERNAMA

WM BD MOZ